

# PELABELAN PRODUK RACUN MAKHLUK PEROSAK

## A. DEFINISI LABEL RACUN MAKHLUK PEROSAK MENGIKUT AKTA

Akta Racun Makhluk Perosak 1974 mentakrifkan label racun perosak sebagai apa-apa benda bertulis, bercetak atau bergrafik;

- i) yang dipasang, dilekatkan atau dicetak timbul, sama ada secara langsung atau selainnya, pada bungkusan suatu racun makhluk perosak atau
- ii) menyertai suatu racun makhluk perosak.

## B. PERATURAN-PERATURAN RACUN MAKHLUK PEROSAK (PELABELAN) 1984

Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Pelabelan) 1984 menggariskan bahawa tiada seorang pun boleh menjual racun makhluk perosak melainkan jika racun makhluk perosak itu mempunyai label yang memenuhi kehendak-kehendak pelabelan yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini.

## C. KEHENDAK-KEHENDAK PELABELAN

Kehendak-kehendak Pelabelan menetapkan supaya setiap racun makhluk perosak hendaklah mempunyai label yang mengandungi maklumat-maklumat penting seperti yang digariskan pada Garis Panduan Pelabelan.

Selain itu, suatu label mestilah mempunyai ciri-ciri seperti berikut :

- i) mudah dibaca;
- ii) menggunakan Bahasa Malaysia dan jika bahasa lain digunakan hendaklah mempunyai erti yang sama;
- iii) label hendaklah dilekatkan atau dicetak terus pada bungkusan atau bekas;
- iv) label hendaklah mempunyai kualiti yang tidak merosot, mudah dilihat dan tidak boleh tanggal dari bungkusan atau bekas.

## D. BAYARAN PELABELAN

Bayaran yang dikenakan bagi label adalah :

1. Bayaran permohonan tukar label = RM200.00

Bagi perubahan rekabentuk label (susunan label, warna, dan lain-lain), perubahan pernyataan, perubahan alamat, nama syarikat atau logo syarikat.

2. Bayaran permohonan tambah pek saiz = RM200.00

Penambahan saiz pembungkusan daripada permohonan asal.

